

PILIHAN RAYA - PEMBUBARAN R R R

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) -- DEWAN RAKYAT DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI, KECUALI DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK, DIBUBARKAN ESOK BAGI MEMBOLEHKAN PILIHAN RAYA UMUM KELAPAN DIADAKAN. PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA HARI INI.

BELIAU BERKATA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH TELAH MEMPERKENANKAN PEMBUBARAN ITU.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR) AKAN BERMESYUARAT UNTUK MENETAPKAN TARIKH PENAMAAN CALON DAN HARI PENGUNDIAN.

SEJUMLAH 180 KERUSI PARLIMEN DAN 351 KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI AKAN DIPERTANDINGKAN PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

PECAHAN KERUSI PARLIMEN IALAH PERLIS (2), KEDAH (14), PULAU PINANG (11), PERAK (23), SELANGOR (14), NEGERI SEMBILAN (7), MELAKA (5), JOHOR (18), PAHANG (10), TERENGGANU (8), KELANTAN (13), SARAWAK (27), SABAH (20), WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (7) DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (1).

TEMPOH PARLIMEN KETUJUH DIJADUALKAN BERAKHIR OKTOBER TAHUN DEPAN. -- LAGI.

1729MST 04 10 90

D639

B 8535 AAB

PILIHAN RAYA - PEMBUBARAN 2 KUALA LUMPUR

PILIHAN RAYA UMUM KALI INI JUGA MENYAKSIKAN PROSES PENGIRAAN UNDI DENGAN CARA BARU, YANG DIJALANKAN TERUS DI PUSAT MENGUNDI BAGI MENGGANTIKAN PENGIRAAN UNDI SECARA BERKELOMPOK DI BAWAH SISTEM LAMA.

PENGIRAAN UNDI CARA BARU ITU TELAH DICUBA PADA PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN KIJAL DI TERENGGANU DAN PILIHAN RAYA NEGERI SABAH JULAI LEPAS.

CARA BARU PENGIRAAN UNDI ITU DIJANGKA MEMBOLEHKAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA DIKETAHUI LEBIH AWAL.

SEBELUM PEMBUBARAN ITU, BARISAN NASIONAL (BN) MEMPUNYAI 133 KERUSI DEWAN RAKYAT DAN 287 KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, BN MEMENANGI 148 DARIPADA 177 KERUSI PARLIMEN YANG DIPERTANDINGKAN DAN 299 KERUSI NEGERI. BAGAIMANAPUN, BILANGAN KERUSINYA TELAH BERKURANGAN BERIKUTAN TINDAKAN BEBERAPA WAKILNYA YANG MENUBUHKAN PARTI SEMANGAT 46 DAN PENARIKAN DIRI PARTI HISBUL MUSLIMIN (HAMIM) DARIPADA BN. -- LAGI.  
1738MST 04 10 90

D641

B 8559 AAB

PILIHAN RAYA - PEMBUBARAN 3 KUALA LUMPUR

PEMERHATI POLITIK MENJANGKA KERJASAMA ANTARA PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEPERTI DAP, PAS DAN SEMANGAT 46 YANG DIPIMPIN OLEH TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BOLEH MEMBERI SAINGAN HEBAT KEPADA BN PADA PILIHAN RAYA KALI INI.

PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEBELUM PEMBUBARAN INI MEMPUNYAI 44 KERUSI PARLIMEN IAITU SEMANGAT 46 (12), DAP (24), PAS (1), ANGKATAN KEADILAN RAKYAT (AKAR) (1), PERMAS (1), HAMIM (1), BARISAN KEMAJUAN INDIA SE-MALAYSIA (IPF) (1) MANAKALA WAKIL BEBAS (3).

PENGUMUMAN ITU MENAMATKAN SPEKULASI SEJAK KEBELAKANGAN INI MENGENAI TARIKH PILIHAN RAYA UMUM. -- BERNAMA.